

13/03/2002

Kata sepakat 54 negara tangani keganasan

Kadir Dikoh

ANDAINYA semua 54 negara anggota Komanwel sepakat untuk menangani masalah keganasan dengan bersedia membanterasnya hingga ke akar umbi, sudah pasti sebahagian besar masalah berbangkit dapat ditangani dengan sebaik mungkin.

Selama ini, Barat, khususnya Amerika Syarikat, bagaikan memberi takrifan tersendiri mengenai keganasan, hatta ditujukan khusus kepada umat Islam sejagat, menyebabkan ummah di seluruh dunia resah kerana sering menjadi sasaran hingga gerak-geri mereka diintip sebaik menjejak kaki di lapangan terbang.

Tiada usaha untuk mengenal pasti masalah itu meskipun sesetengah negara Islam, termasuk Malaysia, berpendirian bahawa usaha menangani masalah keganasan ialah dengan mencari puncanya dan memahami sebab-musabab tercetusnya tindakan mengganas.

Lantas, Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Coolum, pusat peranginan berdekatan Brisbane, Australia baru-baru ini memberi tumpuan kepada agenda keganasan dalam pertemuan terbesar pemimpin dunia itu selepas tragedi 11 September. (Amerika bukan anggota Komanwel).

Pemimpin Komanwel sepakat untuk menangani masalah keganasan hingga ke akar umbi, iaitu supaya memahami kegiatan keganasan bagi mewujudkan harmoni di kalangan negara dan rakyatnya yang pelbagai kepercayaan dan budaya.

Mereka mengulangi kutukan secara mutlak terhadap semua bentuk keganasan yang memberi kesan kepada kehilangan nyawa manusia serta gangguan kepada kestabilan politik, ekonomi dan sosial.

Perkara itu terkandung dalam Pernyataan Coolum yang dikeluarkan selepas sesi eksekutif menamatkan perbincangan dan pendirian sama diulangi dalam Deklarasi Coolum pada akhir mesyuarat itu Selasa lalu.

Pemuafakatan bagi memahami punca keganasan itu juga sekali gus menggambarkan kejayaan peribadi bagi Malaysia kerana sejak tragedi 11 September, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerap kali menggesa masyarakat dan badan antarabangsa untuk mengenal pasti akar punca kegiatan keganasan dalam usaha menanganinya.

Pendirian bagi mengalih pandangan supaya masyarakat Islam sejagat tidak terlalu dikaitkan dengan keganasan itu diulangi Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang mewakili Malaysia ketika sesi eksekutif pertama membincangkan agenda keganasan.

Pernyataan itu antara lain menyebut bahawa keganasan adalah ancaman kepada semua negara dan rakyatnya tanpa mengira fahaman, warga negara, budaya dan masyarakat. Dengan tegas, pemimpin Komanwel menyatakan bahawa tidak ada justifikasi untuk keganasan.

Abdullah yang mengetuai delegasi negara, berkata persetujuan pemimpin Komanwel untuk memahami punca masalah keganasan itu adalah tepat sekali dan sejajar dengan pendirian Kuala Lumpur.

"Pandangan kita diterima kerana sebab-sebab keganasan mesti dikenali, difahami dan dihapuskan punca itu. Jika tidak, keganasan akan berterusan. Malaysia berpegang kuat kepada fahaman ini.

"Kita memang mengutuk keganasan dan dalam hal ini Komanwel mahu mewujudkan kerjasama di kalangan negara anggota bagi menanganinya," katanya kepada wartawan Malaysia.

Malaysia adalah antara negara anggota dalam Jawatankuasa Komanwel Mengenai Keganasan bersama Australia, Bahamas, Kanada, India, Afrika Selatan, Sri Lanka, Tanzania, Tonga dan United Kingdom.

Dalam pernyataan itu juga, Ketua-Ketua Negara Komanwel bersetuju jawatankuasa terbabit mengawasi pelaksanaan Pelan Tindakan dan bagi tujuan itu, akan mengadakan mesyuarat tahunan untuk meninjau kemajuannya.

CHOGM menerima laporan pelan tindakan jawatankuasa itu seperti disyorkan pada mesyuaratnya di London, 29 Januari lalu, yang mengandungi pelbagai aspek perundangan, kewangan dan langkah-langkah secara am untuk memerangi ancaman keganasan.

Pemimpin Komanwel itu juga mendesak semua negara anggota untuk mengambil langkah seperti dicadangkan dalam pelan tindakan dan memberi bantuan kepada negara kecil dan kurang membangun di dalam Komanwel bagi membolehkan mereka memenuhi tanggungjawab mengikut Resolusi 1373 Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Antara kandungan resolusi itu yang dikeluarkan 29 September lalu ialah untuk membekukan aset serta akaun mana-mana pertubuhan dan anggotanya yang mempunyai kaitan dengan keganasan antarabangsa.

Apa yang nampak jelas ialah mesyuarat CHOGM itu juga membawa satu mesej tersembunyi mengenai ia bukan lagi pertubuhan yang menjadi landasan untuk melanyak negara membangun oleh negara maju yang minoriti di dalam Komanwel.

Contoh yang jelas ialah kegagalan menyingkir atau menggantung Zimbabwe atas dakwaan mencabuli amalan demokrasi dan hak asasi manusia melalui usaha terancang Britain dan Australia yang disokong oleh New Zealand dan Kanada serta bantuan media Barat yang mengapi-apikan isu itu.

Negara anggota seperti dari Afrika lantang menentang rancangan itu manakala Malaysia mengambil pendirian sederhana tetapi rasional yang akhirnya diterima pada peringkat Kumpulan Tindakan Menteri Komanwel Mengenai Perisytiharan Harare (CMAG) dan kemudian pemimpin Komanwel itu sendiri.

Keputusannya ialah sebarang tindakan terhadap Zimbabwe hanya boleh dilakukan selepas pilihan raya presiden di Harare andainya pilihan raya itu dilakukan dengan tidak adil.

Namun, cabaran utama kepada 54 negara anggota Komanwel dengan 32 daripadanya adalah negara kecil dengan jumlah penduduk kurang 1.5 juta, ialah soal pembangunan ekonomi global dengan globalisasi serta liberalisasi perdagangan masih mencengkam keupayaan mereka.

Kata-kata penuh bermakna seorang ketua negara dari Afrika pada sesi eksekutif CHOGM ketika membincangkan isu perkembangan ekonomi global sudah cukup untuk menggambarkan cabaran itu.

Seorang pegawai diplomatik Malaysia berkata, pemimpin terbabit antara lain menyatakan: "Kita bersetuju berkenaan demokrasi, hak asasi tapi kita tak boleh makan demokrasi, tak boleh makan hak asasi. Yang penting perkara ini semua kita bersetuju tetapi bagaimana kedudukan kita kalau kita hidup setelah empat dekad merdeka, rakyat kami masih miskin. Macam mana hendak nikmati demokrasi, hak asasi dan membangun masyarakat madani?"

Apa yang dimaksudkan itu ialah kemiskinan masih menghantui mereka dan tidak guna untuk bercakap mengenai demokrasi, hak asasi, globalisasi dan liberalisasi perdagangan jika negara mereka masih mundur tanpa prasarana yang perlu bagi pembukaan pasaran.

Malah, Malaysia sendiri menyatakan pendirian tegas mengenai pasaran terbuka yang boleh memiskinkan lagi negara miskin dan membangun, jika tidak dibantu oleh negara maju dan ia mendapat sokongan kebanyakan negara anggota Komanwel, terutama di kalangan negara Dunia Ketiga.

Kuala Lumpur mahukan negara maju supaya tidak bercakap mengenai pasaran terbuka semata-mata tanpa melihat dengan lebih mendalam kekurangan yang ada pada negara membangun, terutama dari segi prasarana.

Berdasarkan hakikat ini, perkara pokok, iaitu kemiskinan di kebanyakan negara anggota khususnya di Afrika dan Kepulauan Caribbean, mesti

ditangani dengan sebaik mungkin supaya Komanwel moden dapat diwujudkan dan terus relevan pada alaf baru ini.

Abdullah bagaimanapun menegaskan bahawa kejayaan pemimpin Komanwel menangani pelbagai isu antarabangsa adalah jelas menunjukkan pertubuhan dianggotai 54 negara itu masih relevan pada alaf baru ini.

Katanya, cabaran globalisasi dan liberalisasi perdagangan antarabangsa yang menyukarkan sesetengah negara anggota, terutama negara membangun, akan cuba ditangani sebaik mungkin dengan bantuan negara maju dalam Komanwel.

"Ini memberi gambaran bahawa Komanwel tetap prihatin terhadap isu-isu sejagat meskipun ada pihak menganggap Komanwel sudah tidak relevan," katanya.

Satu lagi kejayaan bagi Malaysia ialah inisiatifnya mengenai projek Perkongsian Bagi Pengurusan Teknologi Komanwel (CPTM) terus mendapat pengiktirafan dan sokongan ketua-ketua negara Komanwel.

Dalam Penyertaan Coolum, pemimpin Komanwel menegaskan sokongan kepada matlamat serta kegiatan CPTM, termasuk rangkaian pengurusan teknologi kepada pembangunan perniagaan selain inisiatif dialog perkongsian pintar.

CTPM yang digerakkan oleh Malaysia adalah untuk menggalak perkongsian bestari menerusi dialog di kalangan negara anggota Komanwel.

Perkongsian pintar itu dilakukan menerusi Dialog Antarabangsa Langkawi (LID), Dialog Antarabangsa Afrika Selatan (SAID) dan Dialog Antarabangsa Barbados (BID).

(END)